

BERITA HARIAN

DATE: 8 / 7 / 2008

Dr Mahathir minta doktor berkhidmat untuk rakyat

BH - 8/7/2009

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad (kanan) meminta doktor dan bakal doktor di negara ini supaya turut menyumbang ke arah pembinaan negara dengan bekerja di negara ini dan memberi khidmat kepada rakyat Malaysia.

Bekas Perdana Menteri yang bercakap mengenai penghijrahan cendekiawan, berkata kesetiaan kepada negara adalah penting 'jika anda mahu membina negara ini'.

Beliau berkata, pada asasnya, setiap orang yang dilahirkan di negara ini dibantu ibu pertiwi untuk berada dalam kedudukan mereka hari ini, sama ada sebagai doktor atau dalam profesion lain.

"Jadi, jika anda fikir bahawa anda berhutang dengan orang yang membantu anda, saya tidak fikir anda akan meninggalkan negara ini dengan begitu mudah," katanya pada majlis 'Dialog Bersama Tun Dr Mahathir', dengan pelajar dan staf Universiti Perubatan Antarabangsa Malaysia (IMU) di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, adalah baik bagi pelajar perubatan melanjutkan pengaji-



an di luar negara tetapi sebaik tamat pengajian, mereka sepatutnya kembali dan berkhidmat kepada rakyat dan negara.

"Saya tidak fikir ia (tidak kembali untuk berkhidmat di tanah air) bersesuaian dengan karakter yang sepatutnya bagi seorang doktor," katanya.

Dr Mahathir mengakui seorang doktor boleh mendapat pendapatan lebih tinggi jika memilih untuk pergi ke negara yang menawarkan gaji lebih baik, tetapi pada masa sama kos hidup di negara berkenaan juga mungkin lebih tinggi.

Menjawab soalan seorang pelajar, Dr Mahathir yang juga seorang doktor sebelum menjadi ahli politik dan me-

nerajui negara selama 22 tahun berkata, adalah tidak salah bagi seorang pelajar perubatan memberi perhatian terhadap perkembangan politik tetapi perlu memastikan pelajarannya tidak terjejas.

"(Sebenarnya)... pengajian perubatan membantu anda menjadi seorang ahli politik yang baik. Doktor bertanya pesakit mengenai sejarah dan simptomnya. Mereka dapat memajukan satu metodologi amat baik untuk menyelesaikan masalah," katanya.

Katanya, standard profesion perubatan dan karakter seorang doktor perlu sentiasa dikekalkan.

Menjawab soalan pemberita kemudian berhubung perbalahan di kalangan parti pakatan pembangkang yang mentadbir empat negeri, Dr Mahathir berkata, mereka adalah pakatan beberapa parti dan bukan kerajaan campuran.

"Mereka bukan sebuah kerajaan campuran. Mereka cuma pakatan. Pakatan tahulah. Kita pakat nak buat benda yang tidak baik... pakat juga (namanya). Itu sebenarnya. Mereka tidak boleh kekal," katanya.